

**PERSEPSI SISWA GURU PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN
TERHADAP KAE DAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAGI KURSUS
PENGURUSAN BILIK DARJAH DAN TINGKAH LAKU DI INSTITUT PENDIDIKAN
GURU KAMPUS ILMU KHAS (IPGKIK), KUALA LUMPUR**

*Rosli Bin Khalid
Jabatan Ilmu Pendidikan,
IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur
rosli_khalid@ipik.edu.my; 0173674080*

&

*Siti Salmiah Binti Mohd Alias
Unit Kokurikulum,
IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur
siti.salmiah@ipik.edu.my; 0123924070*

&

*Kalsom Binti Badrus
Jabatan Sains dan Matematik
IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur
kalsom@ipgkik.edu.my; 0192103774*

ABSTRAK

Kursus Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku merupakan salah satu kursus asas yang wajib bagi siswa guru Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan yang berada dalam semester tiga di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas (IPGKIK). Kajian ini bertujuan untuk melihat persepsi siswa guru terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran bagi kursus Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku di IPGKIK. Sebuah objektif kajian yang difokuskan dalam kajian ini ialah terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran bagi kursus Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku di IPGKIK. Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini ialah pendekatan kualitatif. Kajian ini menemubual seramai enam orang siswa guru semester tiga Ambilan Jun 2017 dari Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP). Hasil temubual akan ditranskrip dan beberapa tema yang berkaitan kajian diketengahkan sebagai dapatan kajian. Dapatan kajian yang diperoleh daripada kajian ini diharapkan dapat menjadi garis panduan kepada pihak berkaitan dalam pemilihan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sesuai bagi kursus ini.

Kata kunci : Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku, Institut Pendidikan Guru, PISMP, dan kaedah pengajaran dan pembelajaran.